



12 Mei 2017
12 May 2017
P.U. (A) 137

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (UKRAINE) 2017

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (UKRAINE) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (UKRAINE) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Ukraine) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 24(1) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Ukraine mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 4 Ogos 2016 yang di bawahnya Ukraine telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Ukraine diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta bagi Ukraine

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Ukraine.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN
UKRAINE
MENGENAI BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG
DALAM PERKARA JENAYAH

Kerajaan Malaysia dan Ukraine (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

Dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama antara kedua-dua negara berkenaan dengan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah berasaskan perasaan saling menghormati demi kedaulatan, kesamarataan hak dan ketiadaan campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri,

Telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1
Ruang Lingkup Pemakaian

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan dengan mematuhi undang-undang masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin dalam penyiasatan dan prosiding dalam perkara jenayah.

2. Bantuan bersama undang-undang yang hendak diberikan mengikut Triti ini termasuklah:

- (a) mengambil keterangan atau pernyataan;

- (b) membuat perkiraan bagi orang untuk memberikan keterangan atau membantu dalam penyiasatan dan prosiding jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
- (c) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman dan dokumen prosedur yang lain;
- (d) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;
- (e) memeriksa objek dan tempat;
- (f) membekalkan maklumat dan barang keterangan;
- (g) mengenal pasti, mencari, menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan hasil dan peralatan jenayah;
- (h) mencari dan mengenal pasti orang; dan
- (i) apa-apa bentuk bantuan yang lain yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta.

3. Triti ini terpakai semata-mata bagi pemberian bantuan bersama undang-undang antara Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau mengetepikan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan apa-apa permintaan bagi bantuan.

4. Triti ini tidak terpakai bagi—

- (a) penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk mengekstradisi orang itu;

- (b) penguatkuasaan penghakiman jenayah di Pihak yang Diminta yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta;
- (c) pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman; dan
- (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.

5. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.

Perkara 2

Pihak Berkuasa Pusat

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini melalui saluran diplomatik.
2. Bagi Malaysia, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau seseorang yang ditetapkan oleh Peguam Negara. Bagi Ukraine, Pihak Berkuasa Pusat ialah Pejabat Pendakwa Am, bagi permintaan di peringkat penyiasatan sebelum bicara, dan Kementerian Kehakiman, bagi permintaan di peringkat perbicaraan.
3. Setiap Pihak hendaklah secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.

Perkara 3

Penolakan Bantuan

1. Penolakan suatu permintaan bagi bantuan di bawah Triti ini hendaklah dibuat dengan mematuhi undang-undang Pihak-Pihak masing-masing dan alasan penolakan hendaklah termasuk seperti yang berikut: